

Ibrahim Tokoh Kepimpinan Pendidikan

Berita
Harian
17/05/2010
M/S
6

4 terima Anugerah Tokoh Guru iktiraf jasa pendidik

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Rosli Abdul Jalil
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Bekas Pengarah Institut Alimuddin Baki (IAB), Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid, 66, dipilih Tokoh Kepimpinan Pendidikan 2010 sempena sambutan Hari Guru 2010 peringkat Kebangsaan Ke-39, semalam.

Empat penerima Anugerah Tokoh Guru 2010 pula ialah bekas guru, Awang Mohamad, 59, dari Kelantan; Encharang Agas, 66, dari Sarawak; Ainun Jamilah Mohd Ali, 62, dari Terengganu dan Datuk Chuang Keng Kung, 72, dari Pulau Pinang.

Mereka menerima wang tunai RM10,000, piala dan pingat disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga

Menteri Pelajaran pada majlis dihadiri lebih 5,000 pengetua, guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Wee Ka Siong dan Dr Mohd Puad Zarkashi, Ketua Setiausaha kementerian itu, Tan Sri Zulkurnain Awang dan Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom.

Ibrahim yang juga Naib Presiden/Timbalan Naib Canselor Kolej Universiti Inti menyifatkan sambutan Hari Guru simbol paling penting dan berkesan dalam profesion pendidikan.

"Kejayaan ini hasil sokongan ibu bapa, isteri, anak dan rakan tetapi pada peringkat



MUHYIDDIN menyampaikan replika cek RM10,000 kepada Dr Ibrahim sambil diperhati Alimuddin dan Pengarah Pelajaran Negeri Pahang, Datuk Abdul Aziz Abdul Latif di Kuantan, semalam.

kat profesion, ia hasil sokongan erat antara guru," katanya yang juga Penasihat Kebangsaan/Perunding Asia-Eropah Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia.

Beliau berkata, usaha membawa perubahan negara ke tahap lebih baik secara penambahbaikan atau lonjakan memerlukan tindakan bersepadu semua sektor iaitu politik, ekonomi, budaya dan pendidikan.

Sementara itu, Awang menyifatkan anugerah diterimanya sebagai manifestasi pengiktirafan kementerian terhadap kira-kira 400,000 guru dan 7,000 guru besar serta pengetua di seluruh negara.

"Kita harus menggunakan peluang menabur bakti kerana tempoh perkhidmatan 30 tahun terlalu singkat," katanya berpengalaman 19 tahun dalam pengurusan sekolah dan menjadi Guru Besar di Sekolah Kubang Batang, Tumpat, Kelantan pada usia 37 tahun.

Bagi Ainun Jamilah yang juga bekas Pengetua Cemerlang di SMK Padang Midin, Kuala Terengganu, mengakui kepuasan seorang guru apabila melihat bekas pelajaranya berjaya.

Berpengalaman 24 tahun sebagai guru dan bersara enam tahun lalu, beliau kini aktif sebagai Pengerusi Peratuan Bekas Pegawai Per-

khidmatan Pendidikan Malaysia dan Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Terengganu.

Sementara itu, Chuang berkata, anugerah itu membuktikan kerajaan tidak pernah melupakan jasa dan pengorbanan guru.

"Pelajaran tidak menjanjikan kekayaan kepada pelajar tetapi dapat menjamin melahirkan generasi berguna kepada negara," katanya.

Encharang yang berketurunan Iban dan berasal dari Betong, Sarawak pula ialah individu bertanggungjawab memperkenalkan sistem semester yang diguna pakai di semua maktab perguruan seluruh negara.